

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)77**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

77. Dari manakah sumber pasir dan batu-batan yang diambil untuk membangunkan projek Penang Silicon Island (PSI)?
- (a) Sejauh mana kerajaan memantau projek ini mengikut kelulusan yang diberikan dan senaraikan masalah susulan yang berlaku

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

77. Lokasi sumber pasir bagi penambakan *Silicon Island* adalah dari negeri Perak manakala lokasi sumber batu-batan adalah dari Teluk Tempoyak, Pulau Pinang dan Pantai Remis, Perak seperti yang dinyatakan dalam Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan Laporan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada bulan April dan Julai 2023 yang lalu.

Kesemua lokasi ini telah mendapat kelulusan Laporan EIA yang berasingan daripada pihak JAS. Kerajaan Negeri akan memastikan

dan menjamin bahawa pasir dan batu-batan untuk projek *Silicon Island* hanya diambil dari lokasi yang telah diluluskan oleh agensi yang berkaitan.

- (a) Selaras dengan syarat kelulusan Laporan EIA, Kerajaan Negeri melalui kontraktor yang dilantik mewajibkan Pegawai Alam Sekitar (EO) yang kompeten dilantik bagi memantau pelaksanaan langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan seperti di dalam Laporan EIA dan EMP yang telah diluluskan. Juruaudit pihak ketiga yang berdaftar dengan JAS turut dilantik untuk menjalankan pengauditan pematuhan alam sekitar secara berkala (setiap 3 bulan) di peringkat pembinaan projek ini. Laporan audit berkenaan juga dikemukakan kepada JAS bagi pematuhan kepada syarat kelulusan EIA dan EMP.

Pemantauan kualiti alam sekitar turut dijalankan oleh perunding yang dilantik dan pelaporan dikemukakan secara berkala kepada agensi-agensi teknikal seperti JAS, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut. Setakat ini, laporan yang dikemukakan kepada agensi-agensi berkaitan telah diterima dengan baik.

Untuk mencegah berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan di sekitar kawasan tapak projek, Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) juga sentiasa memaparkan notis pembinaan/penambakan dan menghantar pesanan *WhatsApp* untuk memaklumkan kepada nelayan setempat agar berhati-hati dan mengelak kawasan penambakan untuk keselamatan masing-masing. Mana-mana aduan yang akan diterima akan diuruskan dengan baik sepertimana yang disyaratkan dalam kelulusan EIA dan akan dirujuk kepada JAS dan lain-lain agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.